

EKSPLORASI INDIKATOR DALAM MENENTUKAN FAKIR DAN MISKIN BERDASARKAN *HAD* *AL-KIFĀYAH ZAKĀT: KAJIAN DI* **LAMPUNG INDONESIA**

Exploring Indicator of Poor and Needy based on *Had al-Kifāyah Zakāh: A Study at Lampung Indonesia*

Anggoro Sugeng¹
Asmak Ab Rahman²

ABSTRACT

*Had al-kifāyah is a measure used in determining the state of living of an individual along with his/her dependents. An individual who lives below this standard of living is considered poor or destitute and deserves to receive zakāh. To determine someone who really deserves zakāh, the Zakāh Committee of Indonesia in its practice still refers to the normal standard of poverty which is obviously different from the perspective of *had al-kifāyah*. Hence, the purpose of this research is to objectively*

¹ Master Candidate, Department of Shariah and Economics, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, anggorosugeng@siswa.um.edu.my

² Senior Lecturer, Department of Shariah and Economics, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, asmak@um.edu.my

identify the standard measurements used in classification of the poor and the needy in Merbau Mataram Indonesia. The data of this study were directly obtained from library research and also interview with 7 informants comprising the Board of Shari'ah experts and the Zakāh administrators. This study employed a qualitative data analysis. This study eventually could conclude that the classification of the poor and the needy in Merbau Mataram Indonesia is not fully in accordance with the standard of poverty understood in Islam, particularly the had al-kifāyah method. The result of this study indicates that the classification of the poor and the needy is still based on the state poverty standard. Furthermore, the primary measurement in determining the poor and the needy has yet to consider the importance of educational, health, and livelihood factors which still follows the local state poverty standard.

Keywords: *had al-kifāyah, zakāh, poverty, poor and destitute, Maqāṣid al-Sharī‘ah, Merbau Mataram Indonesia*

PENDAHULUAN


Pada amnya kemiskinan bererti suatu keadaan terjadinya kekurangan dalam memenuhi keperluan asas seperti: makanan, pakaian, tempat tinggal, pendidikan dan kesihatan. Masalah kemiskinan ini sememangnya merupakan permasalahan global di peringkat antarabangsa. Setiap negara memiliki masalah kemiskinan dan yang membezakannya ialah tahap kemiskinan tersebut. Permasalahan kemiskinan yang berada dalam peringkat antarabangsa, juga berada di negara yang mempunyai populasi muslim terbesar di dunia iaitu Indonesia. Selain daripada itu, Indonesia juga termasuk dalam kategori lima negara muslim termiskin di dunia,³ ditambah dengan masalah rasuah, bencana alam dan sebagainya. Oleh itu, kemiskinan merupakan salah satu masalah utama dalam Kerajaan Indonesia.

Salah satu faktor penting dalam usaha mengurangkan kemiskinan ialah dengan adanya pengumpulan data dan maklumat kemiskinan yang terperinci serta sasaran yang tepat. Dalam mengukur kemiskinan di Indonesia, Badan Pusat Statistik memiliki dua kaedah kemiskinan iaitu kemiskinan makro dan

³ ‘Indonesia adalah antara 5 Negara Muslim Termiskin di Dunia,’ <http://www.voainslam.com>, dicapai 22 Mac 2014.

mikro.⁴ Kaedah pengukuran makro merupakan kaedah kemampuan dalam memenuhi keperluan asas,⁵ sama ada dalam bentuk makanan dan bukan makanan. Secara praktiknya, paras kemiskinan tegar dihitung.⁶ Penduduk yang memiliki purata pendapatan perkapita setiap bulan di bawah paras kemiskinan⁷ disebut sebagai penduduk miskin. Perkiraan jumlah penduduk miskin dengan pendekatan makro adalah berdasarkan kepada data sampel dan hasilnya hanyalah anggaran. Manakala kaedah pengukuran mikro memiliki matlamat dalam penyaluran bantuan, iaitu adanya maklumat nama dan alamat seseorang responden. Pengumpulan data penduduk miskin dengan pendekatan mikro dilakukan secara bancian.

Carta 1: Jumlah Penduduk Miskin di Indonesia



Sumber: Badan Pusat Statistik Indonesia (1996 hingga September 2013).

Badan Pusat Statistik Indonesia menetapkan paras kemiskinan dengan kadar Rp 292,951 setiap bulan atau setara USD 0.82 (RM 2.63) per hari,

⁴ ‘Data Kemiskinan,’ <http://www.bps.go.id>, dicapai 24 Mac 2014, .

⁵ Suharno, ‘Metode Pengukuran Kemiskinan Makro: Garis Kemiskinan di Indonesia’ (Kertas Kerja, Seminar Kemiskinan Indonesia, Pusat Studi Kependudukan dan Kebijakan, Universitas Gadjah Mada, Yogyakarta, 24 Julai 2008).

⁶ Kemiskinan Absolut/Absolute Poor Is People with income below what is needed to maintain a minimum standard of nutrition. Donald Rutherford, *Routledge Dictionary of Economics*, ed. ke-2 (London & New York: Taylor and Francis Group, 2002), 23.

⁷ Garis Kemiskinan/Poverty Line Is The level of income just sufficient to provide minimum subsistence for an individual or family. Lihat Donald Rutherford, *Routledge Dictionary of Economics*, 458.

sehingga jumlah penduduk miskin di Indonesia mencapai 28.55 juta orang.⁸ World Bank menetapkan paras kemiskinan tegar 1 USD (RM 3.2) dan 2 USD (RM 6.4) untuk Pariti Kuasa Beli per hari.⁹ Dengan menggunakan paras kemiskinan berkadar 2 USD (RM 6.4) per hari, maka jumlah penduduk miskin di Indonesia mencapai 97.4 juta orang.¹⁰ Lembaga Penyelidikan Antarabangsa Gallup memberikan amaran tentang paras kemiskinan di Indonesia. Gallup berpendapat kemampuan dalam memenuhi keperluan kehidupan semakin menurun dengan paras kemiskinan 0.82 USD (RM 2.63), kerana nilai dollar semakin turun disebabkan inflasi. Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa paras kemiskinan yang mencapai tahap keselesaan ialah berkadar USD 1.25 (RM 4.00) per hari.¹¹ Presiden World Bank Jim Yong Kim telah menekankan paras kemiskinan sebesar USD 1.5 (RM 4.80) per hari, serta tahun 2030 adalah masa berakhirnya kemiskinan di peringkat antarabangsa.¹²

Paras kemiskinan Badan Pusat Statistik merupakan standard pengukuran kemiskinan di Indonesia. Malah, Islam juga mempunyai standard atau garis panduan dalam mengukur tahap kemiskinan individu. Akan tetapi ianya belum diaplikasikan di Indonesia. Perkara ini menyebabkan banyak terjadi kekeliruan dan perbezaan dalam pengiraan kemiskinan menurut perspektif Islam, terutamanya berkaitan dengan urusan zakat, sehingga kemiskinan perspektif Islam masih merujuk dan mengikut standard kemiskinan perspektif negara. Manakala pentadbiran zakat semasa di Indonesia dalam pengiraan fakir dan miskin belum menggunakan kaedah kemiskinan perspektif Islam dan masih merujuk kepada kemiskinan perspektif negara. Lembaga zakat yang ada di Indonesia seperti Badan Amil Zakat Nasional,¹³ Dompet Dhuafa,¹⁴ Rumah Zakat,¹⁵ masih belum menggunakan kaedah *had al-kifāyah* dalam proses

⁸ ‘Profil Kemiskinan di Indonesia September 2013,’ <http://www.bps.go.id>, dicapai 24 Mac 2014.

⁹ World Bank, *Making the New Indonesia Work for the Poor* (Jakarta: The World Bank Office Jakarta and Gradasi Aksara, 2006), 1.

¹⁰ Bambang Eka Wijaya, ‘Di Balik Aneka Garis Kemiskinan,’ *Lampost*, 6 Januari 2014, 8.

¹¹ Glenn Phelps & Steve Crabtree, ‘More Than One in Five Worldwide Living in Extreme Poverty: Most Households Across 27 African Countries Live On \$ 1.25/ Day or Less,’ <http://www.gallup.com>, dicapai 2 April 2014.

¹² Jim Yong Kim, ‘Jim Yong Kim Says World Can End Extreme Poverty and Increase Shared Prosperity,’ <http://www.worldbank.org>, dicapai 2 April 2014.

¹³ *Badan Amil Zakat Nasional*, <http://www.pusat.baznas.go.id>, dicapai 12 September 2014.

¹⁴ ‘Dompet Dhuafa is Not Profit Organization for Global Empowerment,’ <http://www.dompetdhuafa.org>, dicapai 12 September 2014.

¹⁵ *Rumah Zakat*, <http://www.rumahzakat.org>, dicapai 12 September 2014.

penentuan fakir dan miskin. Kajian tentang *had al-kifāyah*¹⁶ baru dimulakan oleh Irfan Syauqi Beik¹⁷ melalui beberapa artikel dan penyelidikan yang dilakukannya. Di Brunei Darussalam, Singapura¹⁸ serta Thailand¹⁹ (Songkhla, Pattani, Yala, Narathiwat), sistem agihan zakat pada Jabatan Majlis Ugama Islam²⁰ juga belum menggunakan kaedah *had al-kifāyah* dalam pengiraan fakir dan miskin. Perkara ini berbeza dengan Malaysia yang telah mengguna pakai kaedah *had al-kifāyah*, dalam penentuan fakir dan miskin di bawah selian Lembaga Zakat di masing-masing Negeri.

Oleh yang demikian, penentuan fakir dan miskin dalam pentadbiran zakat di Indonesia yang masih menggunakan standard kemiskinan perspektif negara merupakan perkara yang janggal, kerana standard kemiskinan perspektif negara masih jauh daripada tahap keselesaan serta penentuan kemiskinan perspektif Islam masih merujuk kepada kemiskinan perspektif negara. Walau bagaimanapun, zakat merupakan perkara ibadah dengan prosedur yang telah ditetapkan dari agama Islam, termasuk dalam penentuan fakir dan miskin. Merujuk perkara di atas, kajian ini akan mengenal pasti cara pelaksanaan dalam pengiraan *had al-kifāyah*, sama ada menerokai indikator dalam pengiraan *had al-kifāyah* dan menganalisis kadar kos sara hidup dalam satu bulan di Merbau Mataram Kabupaten Lampung Selatan Provinsi Lampung Indonesia.

KONSEP *HAD AL-KIFĀYAH* DAN INDIKATOR PENGIRAANNYA

Dari aspek bahasa, *had al-kifāyah* diambil dari bahasa Arab, iaitu perkataan (الكافية) (من كفی یکفی کفایة) yang bererti “had” dan (النع) (حد) yang bererti cukup.²¹ Manakala dari istilah ialah kadar minima keperluan asas

¹⁶ Irfan Syauqi Beik, ‘Menggagas Garis Kemiskinan Berbasis Syariah,’ *Iqtishodia Jurnal Ekonomi Islam Republika* (Juli 2011): 29.

¹⁷ Irfan Syauqi Beik, ‘Economic Role of Zakat in Reducing Poverty and Income Inequality in the Province of DKI Jakarta Indonesia: Case Study of the Goverment Board of Zakat and Dompet Dhuafa Republika,’ (Thesis Ph.D, International Islamic University Malaysia, Selangor, 2010), 15.

¹⁸ *Sistem Pengurusan Zakat, Islamic Matters, Haj, Halal, Jabatan Majlis Ugama Islam Singapura*, <http://www.muis.gov.sg>, dicapai 12 September 2014.

¹⁹ *Majlis Agama Islam Songkhla*, <http://www.nikah-siam.sukasamasuka.net>, dicapai 12 September 2014.

²⁰ *Sistem Pengurusan Zakat, Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat, Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei Darussalam*, <http://www.zakat-muib.gov.bn>, dicapai 12 September 2014.

²¹ Ahmad al-Sharbāši, *al-Mu'jam al-Iqtisādī al-Islāmī* (t.p: Dār al-Jayl, 1981), 109.

²² ‘Abd Allāh Muḥammad Farīd, *al-Qāmūs al-Farīd fī al-Māl wa al-Iqtisād* (Qāhirah: t.p., 1985), 112.

seseorang (pada kebiasaannya). Daripada perspektif zakat, seseorang yang tidak memenuhi *had al-kifāyah*, maka diiktiraf sebagai golongan fakir dan miskin. Dari sini difahami bahawa *had al-kifāyah* adalah merupakan kadar kecukupan ekonomi yang selayaknya bagi menjamin kelangsungan hidup seorang individu serta mereka yang berada dalam tanggungannya. Istilah lain yang biasa digunakan untuk menunjukkan *had al-kifāyah* ialah *al-hajjāh al-ashliyyah*/keperluan asas dan juga *had al-ghinā'*/tahap kekayaan.²³

Had al-kifāyah adalah merupakan tahap yang melebihi daripada tahap fakir dan miskin. Bahkan jika dibincangkan daripada aspek peratusan boleh dikatakan bahawa fakir berada pada tahap 30%, miskin 80% dan *had al-kifāyah* 100%. *Had al-kifāyah* ini merupakan tahap yang paling ideal untuk kehidupan yang sempurna daripada aspek ekonomi, tanpa berlebih-lebihan dalam kehidupan. Perkara yang diambil kira dalam *had al-kifāyah* adalah berdasarkan kepada keperluan berbentuk *darūriyyah* dan bukan keperluan berbentuk *hajjiyyah* ataupun *tahsiniyyah*. Keperluan *darūriyyah* ini adalah keperluan asas yang diperlukan oleh manusia untuk hidup secara normal seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, perubatan, dan keperluan-keperluan lain yang difikirkan sesuai.

Penilaian utama dalam penentuan *had al-kifāyah* ialah harus selari dengan konsep *Maqāṣid al-Syarī'ah* yang mencakupi pemeliharaan terhadap agama, nyawa, akal fikiran, keturunan dan harta. Dengan ketiadaan ketetapan daripada nas tentang *had al-kifāyah*, maka Imām Malik menjelaskan bahawa persoalan ini terbuka kepada ijtihad, iaitu terbuka kepada kajian untuk menentukan had yang sepatutnya dalam sesebuah masyarakat.²⁴ Perkara ini secara tidak langsung menunjukkan kedinamikan *had al-kifāyah*, dalam berhadapan dengan keperluan masa dan tempat yang berbeza dan berubah-ubah. Penilaian yang dibuat dalam menentukan *had al-kifāyah* ini merangkumi enam aspek iaitu perlindungan, makanan, pakaian, perubatan, pendidikan dan pengangkutan.

1. Perlindungan, merangkumi seluruh perbelanjaan terhadap isi rumah termasuk sewa rumah, bil elektrik, bil air dan segala yang berkaitan dengan keperluan asasi sebuah rumah.
2. Makanan dan minuman, bermaksud segala bahan makanan dan minuman yang dimakan dan diminum oleh ahli rumah dan tanggungannya.
3. Pakaian adalah segala bentuk pakaian yang digunakan oleh ahli rumah seperti pakaian harian, pakaian sekolah, pakaian kerja dan lain-lain.

²³ Muhammad Shawqī al-Fanjarī, *al-Islām wa al-Tawazun al-Iqtisādi bayna al-Afrād wa al-Dual*, vol. 1 (t.t.p.: Wizārat al-Awqāf, 2010), 39.

²⁴ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, vol. 2 (1984: cet.ke-2, Damshiq: Dār al-Fikr, 1985), 876-877.

4. Perubatan, merujuk kepada segala bentuk perubatan dan peralatan yang diambil oleh isi rumah seperti rawatan, pembelian ubat-ubatan di kedai ubat atau farmasi.
5. Pendidikan merujuk kepada segala perbelanjaan yang berkaitan dengan pendidikan bagi ahli keluarga seperti perbelanjaan yuran sekolah/kolej/universiti, pembelian buku-buku asas dan segala yang berkaitan dengan pendidikan.
6. Pengangkutan pula merangkumi segala perbelanjaan yang berkaitan dengan pengangkutan berbayar ahli rumah seperti petrol, bayaran insuran kendaraan, tambang bas, tambang teksi dan segala bentuk pengangkutan berbayar.

Penilaian ini dibuat berdasarkan kepada nas-nas yang digunakan oleh ulama Islam di dalam menentukan keperluan asasi manusia. Indikator dan alat ukur keperluan yang diambil kira dalam pengiraan *had al-kifāyah* adalah seperti berikut:

Jadual 1: Indikator dan Alat Ukur dalam Pengiraan *Had al-Kifāyah*

Aspek	Penjelasan Indikator Keperluan <i>Had al-Kifāyah</i>
<i>Had al-Kifāyah</i>	
Perlindungan	Tempat tinggal beserta keperluan asas dalam rumah Kos-kos untuk menampung kehidupan berkeluarga
Makanan dan Minuman	Makan dan minum
Pakaian	Pakaian yang baik
Perubatan	Rawatan pembelian ubat-ubatan di kedai ubat atau farmasi dan lain sebagainya
Pendidikan	Keperluan semasa yang boleh membawa seseorang keluar daripada kemiskinan dalam jangka panjang iaitu pendidikan
Pengangkutan	Pekerjaan dan pemilikan alatan-alatan serta keperluan untuk menyempurnakan pekerjaan tersebut Pengangkutan/kendaraan

Sumber: Diubahsuai dari *Had al-Kifāyah* di Kalangan Masyarakat Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Penulis telah menggunakan beberapa metode utama dalam penulisan artikel ini, sebagai panduan untuk mengumpulkan dan menganalisis data. Dalam metode pengumpulan data, penulis telah menggunakan kaedah temu bual. Metode temu bual digunakan untuk mendapatkan data yang terperinci tentang amalan pelaksanaan dalam pengiraan fakir dan miskin di Merbau Mataram, Kabupaten Lampung Selatan Provinsi Lampung Indonesia. Temu bual telah dijalankan bersama kepada lima pihak dari Dewan Pentadbir Zakat dan dua pihak dari Dewan Pakar Syariah Merbau Mataram. Wakil yang ditemu bual adalah Tuan Waldiono iaitu Pentadbir Zakat Masjid Bayt al-Imān, Tuan Muhisam iaitu Pentadbir Zakat daripada Masjid al-Khayrāt, Tuan Suyono iaitu Pentadbir Zakat daripada Masjid al-Munawwarah, Tuan Witono iaitu Pentadbir Zakat daripada Masjid Nūr al-Imān dan Tuan Widodo iaitu Pentadbir Zakat daripada Masjid Miftāh al-Hudā. Manakala Ustaz Salimuddin ialah Pengasuh Pondok Pesantren Bustān al-Muttaqīn Suban dan pemegang saham Lembaga Zakat Lampung Selatan Provinsi Lampung Indonesia dan Ustaz Arman iaitu Pengasuh Pondok Pesantren al-Hudā Kriyan, merupakan dua pihak yang telah ditemu bual sebagai Dewan Pakar Syariah Merbau Mataram Kabupaten Lampung Selatan Provinsi Lampung Indonesia.

DAPATAN KAJIAN

Di Indonesia, urusan zakat dilaksanakan menerusi pentadbiran khusus di bawah seliaan Departemen Agama, Lembaga Zakat serta Amil Zakat Masjid. Bahagian ini menjelaskan pandangan responden dan amalan sebenar pelaksanaan institusi zakat Merbau Mataram.

1. Kaedah Pengiraan Fakir dan Miskin pada Institusi Zakat di Merbau Mataram

Berdasarkan hasil temu bual yang dilakukan kepada pentadbir zakat, didapati bahawa kaedah dalam menentukan penerima zakat adalah berdasarkan dalil-dalil agama Islam, yang membawa erti pentadbir zakat perlu merujuk kepada aturan agama Islam dalam urusan pentadbirannya. Namun para responden

yang merupakan pentadbir zakat masih kurang memahami tentang konsep *had al-kifāyah*.²⁵ Hal ini diperkuat dengan kenyataan dari Salimuddin bahawa:

*“Kaerah penentuan dan pengiraan fakir dan miskin masih sebatas merujuk kepada aturan agama, tetapi jika ada penentuan fakir dan miskin perspektif Islam pendekatan Indonesia, mungkin akan lebih baik agar ada kesamarataan pandangan dalam penentuan fakir dan miskin di Indonesia dan menghindari adanya perbezaan.”*²⁶

Penyataan di atas memberi pemahaman bahawa dalam penentuan fakir dan miskin, pentadbir zakat di Merbau Mataram mengalami masalah, mengenai perbezaan dalam mengenal pasti fakir dan miskin itu sendiri. Pengiraan dan penentuan ini merupakan perkara penting untuk mengenal pasti perbezaan fakir dan miskin supaya dapat mengurangkan dan membasmikan kemiskinan tersebut.

Melalui permasalahan di atas, pentadbir zakat di Merbau Mataram mempunyai cara penentuan fakir dan miskin agar ia tidak jauh berbeza daripada aturan agama. Muhisam menjelaskan pentingnya pakar syariah lulusan pondok dalam mengenal pasti antara fakir dan miskin, sehingga dapat meminimumkan kesilapan yang terjadi.²⁷ Ianya juga merupakan suatu cara yang efektif kerana sehingga kini belum ada bimbingan, arahan maupun latihan mengenai cara pentadbiran zakat yang berkesan.

2. Indikator Pengiraan Fakir dan Miskin pada Institusi Zakat di Merbau Mataram

Menurut pandangan Salimuddin, tidak semua pentadbir zakat memiliki spesifikasi dalam keupayaan menentukan fakir dan miskin di Merbau Mataram. Penentuan fakir dan miskin kebiasaanya dilihat kepada kehidupan seharian

²⁵ Waldiono (Amil Zakat, Masjid Bayt al-Imān) dalam temu bual dengan penulis, 15 Disember 2014. Muhisam (Amil Zakat, Masjid al-Khayrāt) dalam temu bual dengan penulis, 16 Disember 2014. Suyono (Amil Zakat, Masjid al-Munawwarah) dalam temu bual dengan penulis, 17 Disember 2014. Witono (Amil Zakat, Masjid Nūr al-Imān) dalam temu bual dengan penulis, 18 Disember 2014. Widodo (Amil Zakat, Masjid Miftāh al-Hudā) dalam temu bual dengan penulis, 19 Disember 2014.

²⁶ Salimuddin (Pengasuh, Pondok Pesantren *Bustān al-Muttaqīn* Suban dan Pakar Syariah di Merbau Mataram), dalam temu bual dengan penulis, 20 Disember 2014.

²⁷ Muhisam (Amil Zakat, Masjid al-Khayrāt) dalam temu bual dengan penulis, 16 Disember 2014.

dan masyarakat yang berada di bawah purata kehidupan akan diberikan agihan zakat.²⁸ Hal ini seiring seperti yang disampaikan dan diakui oleh pentadbir zakat Masjid al-Khayrāt, Masjid Bayt al-Imān, Masjid Nūr al-Imān dan Masjid Miftāh al-Hudā,²⁹ bahawa penentuan fakir dan miskin ialah merujuk kepada kehidupan sehari-hari. Hal ini menunjukkan bahawa had pemisah antara fakir dan miskin tidak begitu jelas. Dengan erti kata lain, sesiapa sahaja yang kehidupannya di bawah purata kehidupan masyarakat pada umumnya, mereka berhak mendapatkan agihan zakat. Pentadbir zakat di Masjid al-Munawwarah Merbau Mataram, memiliki spesifikasi dan alat ukur dalam penentuan fakir dan miskin. Secara khususnya dalam temu bual yang dilakukan, Suyono menjelaskan indikator dalam penentuan fakir dan miskin kepada 4 perkara asas.

Jadual 2: Indikator Penentuan Fakir dan Miskin Masjid al-Munawwarah

Indikator	Penjelasan Indikator Penentuan Fakir dan Miskin	
	Fakir	Miskin
Tempat Tinggal	Menyewa dan Menumpang Tanah Liat dan Simen Biasa	Rumah Sendiri
Kerjaya	Pekerjaan Tidak Tetap	Pekerjaan Tetap
Pendapatan dan Pemenuhannya	Memenuhi Keperluan Kehidupan Kurang dari 50%	Memenuhi Keperluan Kehidupan Kurang dari 100%
Pengangkutan	Maksimum Basikal	Motor (Penunjang Bekerja)

Sumber: Temu bual bersama Suyono.

Suyono menjelaskan indikator penentuan fakir dan miskin ditentukan dengan melihat status pemilikan rumah. Tempat tinggal atau rumah adalah merupakan sebuah tempat kediaman yang dapat melindungi diri daripada tiupan angin, kepanasan, kesejukan mahupun pencerobohan. Memiliki rumah dengan status menyewa dan menumpang dikategorikan dalam golongan fakir, manakala golongan miskin pula memiliki rumah persendirian. Berdasarkan

²⁸ Salimuddin (Pengasuh, Pondok Pesantren Bustān al-Muttaqīn Suban dan Pakar Syariah di Merbau Mataram), dalam temu bual dengan penulis, 20 Disember 2014.

²⁹ Waldiono (Amil Zakat, Masjid Bayt al-Imān) dalam temu bual dengan penulis, 15 Disember 2014. Muhisam (Amil Zakat, Masjid al-Khayrāt) dalam temu bual dengan penulis, 16 Disember 2014. Witono (Amil Zakat, Masjid Nūr al-Imān) dalam temu bual dengan penulis, 18 Disember 2014. Widodo (Amil Zakat, Masjid Miftāh al-Hudā) dalam temu bual dengan penulis, 19 Disember 2014.

penjelasan di atas, perkara yang membezakan fakir dan miskin adalah dengan mengenalpasti status pemilikan rumah mereka.³⁰

Indikator seterusnya adalah kerjaya atau pekerjaan. Kerjaya bagi golongan fakir bersifat tidak menentu dan tidak tetap. Contohnya, sehari bekerja sehari tidak atau dengan erti kata lain tiada kepastian pekerjaan (kadangkala bekerja kadangkala tidak). Manakala, miskin pula memiliki pekerjaan tetap. Indikator memenuhi keperluan kehidupan merangkumi hasil pendapatan dalam memenuhi keperluan asas kehidupan seperti makanan, minuman, pakaian, pendidikan dan keperluan-keperluan lainnya. Indikator ini memberikan penerangan bahawa golongan fakir hanya mampu memenuhi keperluan kehidupan kurang daripada 50%, manakala golongan miskin mampu memenuhi keperluan kehidupan kurang dari 100%. Indikator terakhir ialah pengangkutan iaitu kemampuan memiliki kenderaan. Golongan fakir hanya memiliki basikal namun apabila mereka memiliki motor, ianya merupakan hasil pinjaman ataupun pemberian daripada orang lain berdasarkan rasa belas kasihan. Hal ini berbeza dengan golongan miskin yakni mereka memiliki kenderaan berupa motor, tetapi motor ini dijadikan sebagai jentera penggerak menuju tempat kerja atau bermatlamatkan mencari pendapatan kehidupan sebagai motosikal penambang.

3. Kos Sara Kehidupan pada Institusi Zakat di Merbau Mataram

Hasil kajian daripada temubual menunjukkan bahawa penentuan kos sara hidup difokuskan kepada makanan, minuman, pendidikan, perlindungan dan pengangkutan bagi individu yang telah berkeluarga. Manakala bagi individu yang hidup seorang diri sama ada janda, duda mahupun bujang, kos sara hidup diperuntukkan bagi pemenuhan keperluan kehidupan berupa makanan dan minuman serta perlindungan. Kepemilikan rumah, pembelian barang isi rumah dan pemilikan kenderaan secara kredit merupakan kumpulan daripada pendapatan hasil kerjaya dan hasil simpanan setelah segala kos sara kehidupan sudah dipenuhi. Berdasarkan hasil temu bual, kadar kos sara kehidupan bagi kehidupan bersendirian Rp. 300,000 (RM 86.12) dan berkeluarga Rp. 1,500,000 (RM 430.62). Manakala had daripada pentadbir

³⁰ Suyono (Amil Zakat, Masjid al-Munawwarah) dalam temu bual beliau dengan penulis, 17 Disember 2014.

zakat bagi kehidupan bersendirian Rp. 600,000 (RM 172.25) dan berkeluarga Rp. 2,000,000 (RM 574.16).³¹

ANALISIS DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Setelah memahami pandangan responden dan amalan sebenar pengiraan fakir dan miskin di Merbau Mataram Indonesia, maka seterusnya bahagian ini akan menganalisis dan membincangkan amalan yang dilakukan dalam pengiraan fakir dan miskin di Merbau Mataram dari pelbagai perspektif.

1. Analisis Kaedah Pengiraan Fakir dan Miskin Pada Institusi Zakat di Merbau Mataram Indonesia

Dalam amalan pengiraan fakir dan miskin pada institusi zakat di Merbau Mataram, didapati bahawa kaedah pengiraan mustahiq zakat masih merujuk kepada kemiskinan perspektif negara.³² Dengan menggunakan penentuan fakir dan miskin perspektif negara, hal ini mengakibatkan keimbangan, kerana paras kemiskinan yang dirujuk masih jauh daripada tahap keselesaan dan memberi kesan kepada perbezaan dalam kalangan pentadbir zakat, untuk mengenal pasti golongan sebenar yang dikira sebagai fakir dan miskin. Selain daripada itu, setiap institusi pentadbiran zakat di Merbau Mataram, perlu memiliki seseorang yang pakar dalam bidang Syariah.

Berkaitan permasalahan di atas, ianya perlu merujuk kepada aturan Fatwa daripada Majlis Ulama Indonesia No. 8 Tahun 2011 bahagian Penetapan Hukum Ayat 1 tentang Pentadbir Zakat yang berbunyi:

“Amil Zakat adalah: seseorang atau sekelompok orang yang diangkat oleh Pemerintah untuk mengelola pelaksanaan ibadah zakat atau seseorang atau sekelompok orang yang dibentuk oleh masyarakat dan disahkan oleh Pemerintah, untuk mengelola pelaksanaan ibadah zakat.”³³

³¹ Waldiono (Amil Zakat, Masjid Bayt al-Ímān) dalam temu bual dengan penulis, 15 Disember 2014. Muhisam (Amil Zakat, Masjid al-Khayrāt) dalam temu bual dengan penulis, 16 Disember 2014. Suyono (Amil Zakat, Masjid al-Munawwarah) dalam temu bual dengan penulis, 17 Disember 2014. Witono (Amil Zakat, Masjid Nūr al-Ímān) dalam temu bual dengan penulis, 18 Disember 2014. Widodo (Amil Zakat, Masjid Miftāḥ al-Hudā) dalam temu bual dengan penulis, 19 Disember 2014.

³² ‘Penjelasan Data Kemiskinan,’ <http://www.bps.go.id>.

³³ Fatwa Amil Zakat Majelis Ulama Indonesia 2011 (Bil. 8/ 2011).

Jelaslah di sini bahawa pentadbir zakat merupakan pihak yang dipertanggungjawabkan dan disahkan oleh kerajaan. Namun, penguatkuasaan daripada kerajaan adalah perlu, supaya kerajaan akan terus memberikan latihan dan dorongan tentang kaedah mentadbir zakat dan tiada lagi masalah dalam membezakan pihak-pihak yang berhak ke atas zakat. Hal ini kerana kerajaan memiliki kewajipan terhadap pengurusan ibadah zakat, sama ada pemberian latihan mahupun dorongan tentang cara mentadbir zakat yang cekap, demi tercapainya *maṣlahah*, sesuai dengan kaedah fiqh:

تصرف الأئم على الرعية منوط بالصلاحة

“Tindakan dan perbuatan kerajaan (pemegang autoriti) terhadap rakyat harus merujuk kepada unsur maṣlahah...”

Selain itu, perlu ada penyemakan peranan dan tanggungjawab kerajaan terhadap urusan pentadbiran zakat. Pada awal pemerintahan Rasulullah SAW, zakat merupakan salah satu sumber pendapatan utama negara, yang diperoleh umat Islam yang bersumber daripada wang tunai, pertanian, penternakan, pertanahan, pertambangan dan sebagainya.³⁴ Setelah kewafatan Rasulullah SAW, kaedah pengurusan zakat tidak mengalami suatu perubahan, bahkan jumlah hasil kutipan zakat meningkat kerana berlaku pertambahan wilayah kekuasaan Islam. Pada masa kini, kerajaan menggalakkan kewajipan dalam membayar zakat dan memberi amaran keras bagi pihak yang enggan membayarnya.³⁵ Jelaslah di sini bahawa, kerajaan mengambil berat dalam pengurusan pentadbiran zakat yang dijadikan sumber penting bagi pendapatan negara. Pentadbiran zakat yang dikelola oleh kerajaan boleh mengenakan tindakan tegas bagi *muzakkī* yang enggan membayar zakat dan pengawasan terhadap institusi zakat yang tidak amanah dengan wujudnya penguasaan enakmen, dasar kerajaan dan seumpamanya.

Di samping adanya aturan Fatwa Majlis Ulama Indonesia yang menyentuh tentang tanggungjawab kerajaan terhadap pentadbiran zakat, maka pentadbir zakat juga dapat melaporkan kepada pengarah urusan agama di Kecamatan Merbau Mataram, tentang permasalahan yang berlaku dan mengusulkan permohonan untuk mengadakan bimbingan dan dorongan tentang kaedah pentadbiran zakat yang lebih cekap dan efektif. Selain itu, usaha lain yang perlu dilakukan oleh pengurus urusan agama Indonesia ialah menentukan golongan fakir dan miskin mengikut pendekatan Islam, yang merujuk kepada *Maqāṣid al-Syārī’ah* ataupun kaedah *had al-kifāyah*. *Had al-kifāyah* layak dijadikan alternatif untuk memperbaiki paras kemiskinan perspektif negara, yang jauh

³⁴ Asghar Ali Engineer, *Asal Usul dan Perkembangan Islam* (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 1999), 93.

³⁵ Adiwarman Azwar Karim, *Sejarah Pemikiran Ekonomi Islam*, ed. ke-3 (Jakarta: Rajawali Pers, 2008), 37.

berbeza daripada tahap keselesaan dalam kehidupan.³⁶ Penentuan kaedah ini adalah merupakan kewajipan bagi pihak berautoriti, dalam mengkaji secara mendalam sehingga menghasilkan suatu standard *had al-kifāyah* dengan berpegang kepada *Maqāṣid al-Syārī‘ah* untuk dilaksanakan di Indonesia. Kewujudan pakar Syariah merupakan salah satu alternatif untuk dijadikan solusi bagi pentadbir zakat di Merbau Mataram, Provinsi Lampung Indonesia. Walau bagaimanapun, kerajaan secara hakikinya bertanggung jawab penuh terhadap pengurusan dan pentadbiran ibadah zakat ini.

2. Analisis Indikator dan Alat Ukur Pengiraan Fakir dan Miskin Pada Institusi Zakat di Merbau Mataram Indonesia

Indikator penentuan fakir dan miskin pada institusi zakat di Merbau Mataram, dibahagikan kepada empat bahagian besar, yang merangkumi tempat tinggal, kerjaya, pendapatan hasil kerjaya dan pengangkutan. Setelah memahami indikator di atas, maka kesesuaian kaedah *had al-kifāyah* perspektif Islam yang merujuk kepada *Maqāṣid al-Syārī‘ah* ini layak ditinjau dan disemak secara mendalam, agar dapat difahami bahawa setiap nilai yang telah dipertimbangkan oleh pentadbir zakat di Merbau Mataram dalam pengiraan golongan fakir dan miskin.

Rajah 1: Perbandingan Penentuan Fakir dan Miskin di Merbau Mataram berbanding *Maqāṣid al-Syārī‘ah* dan *Had al-Kifāyah*

Penentuan Fakir dan Miskin di Merbau Mataram	<i>Maqāṣid al-Syārī‘ah</i>	<i>Had al-Kifāyah</i>
Tempat Tinggal	<i>Hifz al-Dīn</i>	Perlindungan
Kerjaya	<i>Hifz al-Nafs</i>	Makanan
Pendapatan	<i>Hifz al-‘Aql</i>	Pakaian
Pengangkutan	<i>Hifz al-Nasl</i>	Perubatan
	<i>Hifz al-Māl</i>	Pendidikan
		Pengangkutan

Sumber: Temu bual dengan Tuan Suyono (Penentuan Fakir dan Miskin di Merbau Mataram), ‘Abd al-Wahhāb Khalāf, Abdul Karim Ali, Abū Ishāq al-Shāṭibī (*Maqāṣid al-Syārī‘ah*) dan Mansor (Indikator *Had al-Kifāyah*)

³⁶ Irfan Syauqi Beik, ‘Menggagas Garis Kemiskinan Berbasis Syariah,’ *Iqtishodia Jurnal Ekonomi Islam Republika* (2011): 29.

Perbincangan kajian di bawah ini merupakan penjelasan yang terperinci, terhadap nilai-nilai yang dipertimbangkan dalam pengiraan golongan fakir dan miskin serta indikator yang belum menjadi pertimbangan.

a) *Hifz al-Dīn*

Bagi merealisasikan pemeliharaan terhadap agama, Allah SWT telah mewajibkan pelaksanaan segala rukun Islam yang lima. Bagi memeliharanya pula, Islam telah mewajibkan jihad terhadap golongan yang ingin keluar dari agama (Murtad).³⁷

b) *Hifz al-Nafs*

Bagi memelihara jiwa, Allah SWT memerintahkan manusia agar memelihara dirinya dengan cara menyediakan makanan dan minuman yang secukupnya, pakaian dan tempat tinggal.³⁸ Bagi menghalang serta menolak kemudharatan yang boleh mengancam ketenteraman jiwa, maka diwajibkan hukuman *qisāṣ*, *diyāt*, *kaffārah* terhadap mereka yang melakukan sebarang kecederaan atau pembunuhan ke atas orang lain.³⁹ Jika merujuk kepada *Hifz al-Nafs* dalam konsep *Maqāṣid al-Syarī‘ah*, maka ada ciri-ciri persamaan dengan indikator perlindungan, keperluan terhadap makanan dan minuman, serta pakaian pada konsep *had al-kifayah*.⁴⁰ Manakala indikator dapatan kajian pula selari dengan *Hifz al-Nafs* iaitu tempat tinggal dan pemenuhan ke atas keperluan kehidupan.⁴¹

c) *Hifz al-‘Aql*

Bagi memelihara akal, Allah SWT mengharuskan setiap perkara yang menjamin kesejahteraan serta menyuburkannya dengan cara menuntut ilmu.

³⁷ ‘Abd al-Wahhāb Khalāf, ‘Ilm Uṣūl al-Fiqh (cet. Ke-7, Lubnān: t.p., t.t.), 164. Abdul Karim Ali *et al.*, ed., *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia yang Membangun*, cet. ke-2 (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1999), 64.

³⁸ Abū Ishāq al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Syarī‘ah* (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1991), 325.

³⁹ ‘Abd al-Wahhāb Khalāf, ‘Ilm Uṣūl al-Fiqh, 164.

⁴⁰ Mansor Sulaiman *et al.*, ‘Had al-Kifayah di Kalangan Masyarakat Islam: Merungkai Keperluan Kaedah Penentuan Garis Miskin dan Kaya Berasaskan Sunnah di Malaysia,’ (UMP Institutional Repository Research and Publication, Universiti Malaysia Pahang, 2013), 1-13.

⁴¹ Suyono (Amil Zakat, Masjid al-Munawwarah) dalam temu bual dengan penulis, 17 Disember 2014.

Pada masa yang sama, Allah SWT mengharamkan setiap perkara yang boleh merosakkan serta melemahkan akal fikiran seperti meminum arak dan menghisap dadah. Selain itu, Islam mensyariatkan agar dikenakan hukuman ke atas mereka yang meminum arak dan menghisap dadah.⁴² Jika merujuk kepada *Hifz al-'Aql* dalam konsep *Maqāṣid al-Syarī'ah*, maka akan ditemukan kesamaan dengan indikator pendidikan pada konsep *had al-kifāyah*. Pendidikan adalah merupakan keperluan semasa yang boleh membawa seseorang keluar daripada kemiskinan pada masa hadapan,⁴³ dan menuntut ilmu merupakan suatu perkara yang digalakkan dalam Islam. Sedangkan indikator daripada dapatan kajian belum mengambil berat akan kepentingan pendidikan dalam pembasmian kemiskinan.

d) *Hifz al-Nasl*

Bagi memastikan kelangsungan keturunan, maka disyariatkan perkahwinan. Bagi memeliharanya pula, Islam mengharamkan zina, menuduh orang lain berzina tanpa mendatangkan saksi, menggugurkan kandungan, serta menjatuhkan hukuman terhadap orang yang melakukannya agar tidak berlakunya percampuran nasab dan dapat memelihara kemuliaan dan kehormatan manusia.⁴⁴ Jika merujuk kepada *Hifz al-Nasl* dalam konsep *Maqāṣid al-Syarī'ah*, maka akan menemukan persamaan dengan indikator perubatan pada konsep *had al-kifāyah*.⁴⁵ Indikator perubatan difokuskan kepada penjagaan dan rawatan terhadap kesihatan dan memastikan keturunan yang berterusan. Sedangkan indikator daripada dapatan kajian belum mengambil berat tentang kepentingan penjagaan terhadap kesihatan dan keturunan.

e) *Hifz al-Māl*

Bagi mendapatkan harta, Islam mewajibkan kita agar berusaha mencari rezeki dan mensyariatkan muamalat sesama manusia seperti berjual beli, sewa menyewa, hibah, perkongsian usaha, pinjaman dan sebagainya. Bagi memeliharanya pula, diharamkan memakan harta orang lain dengan cara yang batil seperti mencuri, berjudi, riba, rasuah dan sebagainya. Selain itu, ditetapkan hukuman seperti potong tangan bagi kesalahan mencuri dan pampasan ganti rugi bagi kerosakan serta kehilangan harta orang lain.⁴⁶ Jika

⁴² Khalāf, 'Ilm Uṣūl, 164.

⁴³ Mansor, *had al-kifāyah*, 11-12.

⁴⁴ Khalāf, 'Ilm Uṣūl, 164.

⁴⁵ Mansor, *had al-kifāyah*, 11-12.

⁴⁶ Khalāf, 'Ilm Uṣūl, 164.

merujuk kepada *Hifz al-Māl* dalam konsep *Maqāṣid al-Syari‘ah*, maka akan menemukan persamaan dengan indikator pengangkutan pada konsep *had al-kifayah*. Indikator pengangkutan merupakan derivatif daripada harta, yang mana pengangkutan dilihat sebagai prasarana yang menyempurnakan sesebuah pekerjaan.⁴⁷ Manakala indikator dapatan kajian yang selari dengan *Hifz al-Māl* ialah indikator pekerjaan dan pengangkutan.⁴⁸

Melalui rajah dan penjelasan di atas, dapat difahami bahawa konsep *had al-kifayah* selari dengan *Maqāṣid al-Syari‘ah*. Derivatif daripada *had al-kifayah* berupa perlindungan, makanan dan pakaian ialah selari dengan upaya menjaga diri dan jiwa. Manakala perubatan pula merupakan usaha menjaga keturunan. Selain itu, pendidikan pula bermatlamat sebagai penjagaan terhadap akal fikiran dan pengangkutan merujuk kepada penjagaan terhadap harta. Apabila jiwa, akal fikiran, keturunan dan harta dapat dijaga, maka secara hakikinya ianya mampu menjaga unsur agama dalam *Maqāṣid al-Syari‘ah*. Indikator penentuan fakir dan miskin yang ada pada pentadbir zakat di Merbau Mataram belum sepenuhnya selari dengan *Maqāṣid al-Syari‘ah*. Hal ini dapat dirujuk kepada indikator tempat tinggal dan pendapatan hasil kerja yang berupaya menjaga diri dan jiwa. Manakala pengangkutan dan pekerjaan ditujukan ke atas pencarian harta. Penjagaan terhadap agama, akal pikiran dan keturunan, belum menjadi penilaian dan arahan penting dalam penentuan fakir dan miskin di Merbau Mataram. Indikator di Merbau Mataram ini dapat merujuk juga kepada kaedah *had al-kifayah* yang belum mengambil kira perkara perubatan dan pendidikan pada kaedah *had al-kifayah*.

Penjelasan di atas menerangkan bahawa indikator penentuan fakir dan miskin di Merbau Mataram belum sepenuhnya selari dengan kaedah *had al-kifayah* dan *Maqāṣid al-Syari‘ah*. Elemen perubatan dan pendidikan pada *had al-kifayah* dan elemen *Hifz al-‘Aql* dan *Hifz al-Nasl* pada *Maqāṣid al-Syari‘ah* belum diambil kira dan belum dijadikan indikator penilaian dan penentuan fakir dan miskin di Merbau Mataram.

3. Analisis Kos Sara Kehidupan di Merbau Mataram Indonesia

Dalam pengiraan dan penentuan fakir dan miskin, kos sara hidup adalah merupakan salah satu elemen yang menjadi pertimbangan para pentadbir zakat masjid di Merbau Mataram Indonesia. Kadar kos sara hidup bersendirian ialah Rp. 300,000 (RM 86.12) dan berkeluarga Rp. 1,500,000 (RM 430.62).

⁴⁷ Mansor, *had al-kifayah*, 11-12.

⁴⁸ Suyono (Amil Zakat, Masjid al-Munawwarah) dalam temu bual dengan penulis, 17 Disember 2014.

Manakala arahan daripada pentadbir zakat tentang kos sara kehidupan bersendirian ialah Rp. 600,000 (RM 172.25) dan kos berkeluarga ialah Rp. 2,000,000 (RM 574.16). Ini merupakan had ketetapan yang diberikan oleh pentadbir zakat, dalam menentukan golongan fakir dan miskin yang diiktiraf berhak untuk menerima agihan zakat.

Jadual 3: Rincian Kos Sara Hidup di Merbau Mataram dan Indikator Pemenuhannya

Kos Sara	Makanan Harian	Pakaian Harian	Pendidikan Harian
Bersendirian	Rp. 8,000	-	-
Berkeluarga	Rp. 40,000	-	-
Pent. Sendirian	Rp. 15,000	-	-
Pent. Keluarga	Rp. 50,000	-	-

Kos Sara	Perlindungan Harian	Pengangkutan Harian	Jumlah Kos Sara Bulanan
Bersendirian	-	Rp. 2,000	Rp. 300,000
Berkeluarga	-	Rp. 10,000	Rp. 1,500,000
Pent. Sendirian	-	Rp. 5,000	Rp. 600,000
Pent. Keluarga	-	Rp. 16,500	Rp. 2,000,000

Sumber: Temu bual bersama Waldiono, Muhisam, Suyono, Witono dan Widodo

Dengan adanya kadar kos sara di Merbau Mataram ini, ianya layak dibandingkan dengan kadar kos sara diri daripada pelbagai versi dan pendekatan. Kos sara kehidupan menurut perspektif Islam ialah 1 Ūqiyyah atau setara dengan 40 Dirham (RM 800),⁴⁹ untuk memenuhi keperluan ke atas makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal.⁵⁰ Badan Pusat Statistik menambatkan paras kemiskinan dengan kadar Rp 292,951 setiap bulan atau setara 0.82 USD (RM 2.63), untuk memenuhi keperluan kehidupan sama ada makanan dan bukan makanan.⁵¹ Indikator pemenuhan keperluan kehidupan ini selari dengan indikator keperluan kehidupan menurut World Bank,⁵² dan

⁴⁹ Muhammad Rawwās Qal‘ajī, *Mawsū‘ah Fiqh ‘Umar bin al-Khaṭṭāb*, cet. ke-4 (1981: Beirut: Dār al-Nafāsh, 1989), 469.


⁵⁰ al-Zuhaylī, *al-Fiqh al- Islāmī*, 866-870.

⁵¹ ‘Profil Kemiskinan di Indonesia September 2013,’ <http://www.bps.go.id>, dicapai 24 Mac 2014.

⁵² World Bank, *Making the New Indonesia Work for the Poor* (Jakarta: The World Bank Office Jakarta and Gradası Aksara, 2006), 1.

Gallup.⁵³ Perbandingan kos sara hidup ditunjukkan dalam carta dan jadual di bawah ini:

Carta 2: Perbandingan Kos Sara Kehidupan Bulanan dalam RM



Sumber: Temu bual bersama Pentadbir Zakat (Kos Sara Kehidupan Perseorangan, Berkeluarga dan Arahan Kos Sara Kehidupan di Merbau Mataram), Perspektif Islam, BPS Kawasan Bandar dan Kampung, UMP Lampung, World Bank Minimum dan Maksimum serta Gallup.

Jadual 4: Perbandingan Kos Sara Kehidupan daripada Pelbagai Pendekatan.

Kos Sara Kehidupan di Merbau Mataram dan Arahan Pentadbir Zakat (Bulanan dan Harian)

Kos Perseorangan	Kos Berkeluarga	Perseorangan Pentadbir	Berkeluarga Pentadbir
Rp.300,000 (RM86.12)	Rp.1,500,00 (RM430.62)	Rp.600,000 (RM172.25)	Rp.2,000,000 (RM574.14)
Rp.10,000 (RM2.87)	Rp.50,000 (RM14.35)	Rp.20,000 (RM5.74)	Rp.66,666 (RM19.13)

⁵³ Glenn Phelps & Steve Crabtree, 'More than One in Five Worldwide Living in Extreme Poverty: Most Households Across 27 African Countries Live On \$ 1.25/ Day or Less,' <http://www.gallup.com>, dicapai 2 April 2014.

Kos Sara Kehidupan daripada Pelbagai Perspektif dan Pendekatan (Bulanan dan Harian)

Perspektif Islam	BPS Kawasan Bandar	BPS Kawasan Kampung	UMP Lampung	World Bank Minimum	World Bank Maksimum	Gallup
40 Dirham (RM800)	Rp.326,468 (RM91.80)	Rp.284,504 (RM80)	Rp.1,581,000 RM444.57	USD 30 (RM96)	USD 60 (RM192)	USD 37.5 (RM120)
1.3 Dirham (RM26.66)	Rp.10,882 (RM3.06)	Rp.9,483 (RM2.66)	Rp.52,700 RM14.81	USD 1 (RM3.2)	USD 2 (RM6.4)	USD 1.25 (RM4)

Sumber: Temu bual bersama Pentadbir Zakat, Perspektif Islam, BPS, UMP Lampung, Bank Dunia dan Gallup.

Daripada jadual di atas, dapat difahami bahawa kos sara hidup atau kos sara diri secara purata dengan jumlah tertinggi ialah menurut perspektif Islam. Hal ini dirujuk kepada maklumat bahawa satu *uqiah* itu setara dengan 40 Dirham⁵⁴ atau (RM 800) atau (RM 26.66) guna kos diri sehari. Manakala kos sara hidup di Merbau Mataram untuk satu hari ialah RM 2.87, yang memberi erti bahawa kos sara hidup ini selari dengan had kemiskinan perspektif negara iaitu RM 2.66 hingga RM 3.06.⁵⁵ Kadar kos sara hidup perspektif negara atau had kemiskinan Indonesia berada di bawah standard paras kemiskinan di peringkat anatarabangsa yang dihadkan oleh World Bank,⁵⁶ Unicef, lembaga penyelidikan Gallup⁵⁷ dan pandangan presiden World Bank.⁵⁸ Melalui data dan maklumat ini dapat difahami bahawa, penentuan fakir miskin di Merbau Mataram ialah menggunakan pakai perspektif negara dan belum menggunakan pakai pendekatan Islam mahupun paras kemiskinan yang mencapai tahap keselesaan.

Kos sara diri bagi seseorang yang telah berkeluarga ialah (RM 14.35 hingga RM 27.70 untuk satu hari), hal ini sesuai dengan upah minimum Provinsi Lampung iaitu RM 14.81 untuk seseorang pekerja. Kos sara diri yang merujuk kepada Upah Minimum Provinsi,⁵⁹ lebih tinggi berbanding paras kemiskinan yang dihadkan oleh badan pusat statistik Indonesia. Huraian ini membawa

⁵⁴ Muhammad Rawwās Qal‘ahjī, *Mawsū‘ah Fiqh ‘Umar bin al-Khaṭṭāb*, 469.

⁵⁵ ‘Profil Kemiskinan di Indonesia September 2013,’ <http://www.bps.go.id>, dicapai 24 Mac 2014.

⁵⁶ World Bank, *Making the New Indonesia Work for the Poor*, 1.

⁵⁷ Glenn Phelps & Steve Crabtree, ‘More than One in Five Worldwide Living in Extreme Poverty: Most Households Across 27 African Countries Live On \$ 1.25/ Day or Less,’ <http://www.gallup.com>, dicapai 2 April 2014.

⁵⁸ Jim Yong Kim, ‘Jim Yong Kim Says World Can End Extreme Poverty and Increase Shared Prosperity,’ <http://www.worldbank.org>, dicapai 2 April 2014.

⁵⁹ ‘UMP Lampung 2015 Direvisi,’ <http://www.radarlampung.co.id>, dicapai 20 Januari 2015.

maksud bahawa kos sara kehidupan yang dijadikan indikator penentuan fakir dan miskin di Merbau Mataram ialah selari dengan paras kemiskinan perspektif negara. Paras kemiskinan perspektif negara pada hakikinya berada di bawah had kemiskinan Bank Dunia, United Nations Children's Fund (Unicef), Lembaga Penyelidikan Gallup dan pandangan Presiden Bank Dunia serta jauh berbeza dengan upah minimum Provinsi Lampung mahupun perspektif Islam.

KESIMPULAN

Artikel ini mengisahkan konsep *had al-kifāyah* yang dihubung kaitkan dengan praktikal pentadbiran zakat di Merbau Mataram. Dari sini difahami bahawa, kajian ini memfokuskan kepada amalan sebenar pentadbiran zakat di Merbau Mataram Indonesia serta membincangkannya dari pelbagai sudut pandang dan perspektif. Kaedah penentuan fakir dan miskin selalunya merujuk kepada aturan agama sebagai suatu arahan yang benar adanya. Walau bagaimanapun, penentuan pihak yang berhak menerima zakat terutama fakir dan miskin memiliki indikator dan alat ukur dalam mengenalinya. Indikator dalam mengenal pasti fakir dan miskin di Merbau Mataram terdiri daripada tempat tinggal, kerjaya, keperluan kehidupan dan pengangkutan.

Indikator penentuan fakir dan miskin di Merbau Mataram ini belum sepenuhnya selari dengan kaedah *had al-kifāyah* dan *Maqāṣid al-Syarī‘ah*. Elemen perubatan dan pendidikan belum diambil kira dan belum dijadikan indikator penilaian serta penentuan fakir dan miskin di Merbau Mataram. Di samping adanya indikator seperti tempat tinggal, kerjaya, keperluan kehidupan dan pengangkutan, penentuan fakir dan miskin dapat dirujuk kepada kadar kos sara hidup di sana. Kos sara hidup yang dijadikan indikator penentuan fakir dan miskin di Merbau Mataram, ialah selari dengan paras kemiskinan perspektif negara. Paras kemiskinan perspektif negara pada hakikinya berada di bawah had kemiskinan di peringkat antarabangsa dan jauh berbeza dengan had berupa upah minimum Provinsi Lampung mahupun perspektif Islam.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Wahhāb Khalāf, *Ilm Uṣūl al-Fiqh*, cet. ke-7 (Lubnān: t.p., t.t.).
- ‘Abd Allāh Muhammad Farīd, *al-Qāmūs al-Farīd fī al-Māl wa al-Iqtisād* (Qahirah: t.p., 1985).
- Abdul Karim Ali *et al.*, *Hukum Islam Semasa bagi Masyarakat Malaysia yang Membangun*, cet. ke-2 (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1999).

- Abū Ishaq al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Syarī‘ah* (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1991).
- Adiwarman Azwar Karim, *Sejarah Pemikiran Ekonomi Islam*, ed. ke-3 (Jakarta: Rajawali Pers, 2008).
- Ahmad al-Sharbāsi, *al-Mu‘jam al-Iqtisādī al-Islāmī* (t.t.p.: Dār al-Jayl, 1981).
- Asghar Ali Engineer, *Asal Usul dan Perkembangan Islam* (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 1999).
- Badan Amil Zakat Nasional*, <http://www.pusat.baznas.go.id>, dicapai 12 September 2014.
- Bambang Eka Wijaya, ‘Di Balik Aneka Garis Kemiskinan,’ *Lampost*, 6 Januari 2014.
- ‘Dompet Dhuafa is Not Profit Organization for Global Empowerment,’ <http://www.dompetdhuafa.org>, dicapai 12 September 2014.
- Donald Rutherford, *Routledge Dictionary of Economics*, ed. ke-2 (London and New York: Taylor and Francis Group, 2002).
- Fatwa Amil Zakat Majelis Ulama Indonesia 2011 (Bil. 8/ 2011).
- Glenn Phelps & Steve Crabtree, ‘More than One in Five Worldwide Living in Extreme Poverty: Most Households Across 27 African Countries Live On \$ 1.25/ Day or Less,’ <http://www.gallup.com>, dicapai 2 April 2014.
- ‘Indonesia Salah Satu dari 5 Negara Muslim Termiskin di Dunia,’ <http://www.voa-islam.com>, dicapai 22 Mac 2014.
- Irfan Syauqi Beik, ‘Economic Role of Zakat in Reducing Poverty and Income Inequality in the Province of DKI Jakarta Indonesia: Case Study of the Goverment Board of Zakat and Dompet Dhuafa Republika,’ (Thesis Ph.D, International Islamic University Malaysia, Selangor, 2010).
- Irfan Syauqi Beik, ‘Menggagas Garis Kemiskinan Berbasis Syariah,’ *Iqtishodia Jurnal Ekonomi Islam Republika* (Juli 2011): 29.
- Jim Yong Kim, ‘Jim Yong Kim Says World Can End Extreme Poverty and Increase Shared Prosperity,’ <http://www.worldbank.org>, dicapai 2 April 2014.
- Majlis Agama Islam Songkhla*, <http://www.nikah-siam.sukasamasuka.net>, dicapai 12 September 2014.
- Mansor Sulaiman *et al.*, ‘Had al-Kifayah di Kalangan Masyarakat Islam: Merungkai Keperluan Kaedah Penentuan Garis Miskin dan Kaya Berasaskan Sunnah di Malaysia,’ (UMP Institutional Repository Research and Publication, Universiti Malaysia Pahang, 2013).

- Muhammad Rawwās Qal‘ahjī, *Mawsū‘ah Fiqh ‘Umar bin al-Khaṭṭāb*, cet. ke-4 (Beirut: Dār al-Nafāsh, 1989).
- Penjelasan Data Kemiskinan*, <http://www.bps.go.id>, dicapai 24 Mac 2014.
- Profil Kemiskinan di Indonesia September 2013*, <http://www.bps.go.id>, dicapai 24 Mac 2014.
- Rumah Zakat*, <http://www.rumahzakat.org>, dicapai 12 September 2014.
- Sistem Pengurusan Zakat, Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat, Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei Darussalam*, <http://www.zakat-muib.gov.bn>, dicapai 12 September 2014.
- Sistem Pengurusan Zakat, Islamic Matters, Haj, Halal, Jabatan Majlis Ugama Islam Singapura*, <http://www.muis.gov.sg>, dicapai 12 September 2014.
- Suharno, ‘Metode Pengukuran Kemiskinan Makro: Garis Kemiskinan di Indonesia,’ (Makalah, Seminar Kemiskinan Indonesia, Pusat Studi Kependudukan dan Kebijakan, Universitas Gadjah Mada, Yogyakarta, 24 Julai 2008).
- ‘UMP Lampung 2015 Direvisi,’ <http://www.radarlampung.co.id>, dicapai 20 Januari 2015.
- World Bank, *Making the New Indonesia Work for the Poor* (Jakarta: The World Bank Office Jakarta and Gradasi Aksara, 2006).
- Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, cet. ke-2 (Damsyik: Dār al-Fikr, 1985).

Temu bual

- Arman (Ustaz, Pengasuh Pondok Pesantren al-Hudā Kriyan dan Pakar Syariah di Merbau Mataram, Lampung Selatan Prov. Lampung Indonesia), dalam temu bual bersama beliau, pada 20 Disember 2014.
- Muhsam (Pentadbir Zakat, Masjid al-Khayrāt, Merbau Mataram Lampung Selatan Indonesia), dalam temu bual bersama beliau, pada 16 Disember 2014.
- Salimuddin (Ustaz, Pengasuh Pondok Pesantren Bustān al-Muttaqīn Suban dan Pakar Syariah di Merbau Mataram & Stakeholder Lembaga Zakat Lampung Selatan Prov. Lampung Indonesia), dalam temu bual bersama beliau, pada 20 Disember 2014.
- Suyono (Pentadbir Zakat, Masjid al-Munawwarah, Merbau Mataram Lampung Selatan Indonesia), dalam temu bual bersama beliau, pada 17 Disember 2014.

Waldiono (Pentadbir Zakat, Masjid Bayt al-Īmān, Merbau Mataram Lampung Selatan Indonesia), dalam temu bual bersama beliau, pada 15 Disember 2014.

Widodo (Pentadbir Zakat, Masjid Miftāh al-Hudā, Merbau Mataram Lampung Selatan Indonesia), dalam temu bual bersama beliau, pada 19 Disember 2014.

Witono (Pentadbir Zakat, Masjid Nūr al-Īmān, Merbau Mataram Lampung Selatan Indonesia), dalam temu bual bersama beliau, pada 18 Disember 2014.